

26 OCT 2000

Isa-Ezam

ISA YAKIN PELABUR ASING TAK TERPENGARUH MUSLIHAT EZAM

SEREMBAN, 26 Okt (Bernama) -- Pelabur asing tidak mudah terpengaruh dengan usaha memburukkan imej Malaysia di luar negara kerana mereka mempunyai pelbagai cara untuk mengetahui tentang keadaan sebenar di negara ini, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Satu daripada cara itu ialah dengan mendapatkan maklumat daripada pelabur-pelabur lain, katanya di sini hari ini ketika diminta mengulas pengakuan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional Ezam Mohd Noor bahawa dia telah memburuk-burukkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika dan Eropah sehingga berjaya mempengaruhi pelabur supaya tidak datang ke Malaysia.

Sambil menolak dakwaan Ezam itu, Mohamed Isa berkata beliau tidak nampak kesan tindakan itu kerana daripada segi pelaburan sehingga Ogos lepas, Negeri Sembilan saja menerima pelaburan asing bernilai RM925.2 juta.

Daripada jumlah itu, RM831 juta adalah pelaburan dari Amerika Syarikat dan yang lain dari Switzerland, Hong Kong, Taiwan, Korea, Singapura dan Indonesia.

"Saya punya tafsiran ialah tindakan Ezam ini kerana dia cuba menunjukkan kononnya pemimpin Parti Keadilan Nasional mempunyai hubungan dengan pemimpin dari negara luar. Itu sahaja," katanya.

Mohamed Isa berkata pembangkang sudah ketandusan isu dan parti Keadilan sendiri semakin lemah.

"Kalau ada pun pemimpin Parti Keadilan Nasional pergi memburukkan pemimpin dan negara ini, bukan semua orang boleh percaya sebab kita telah menjalinkan hubungan perniagaan dengan negara terbabit," katanya.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo menyifatkan Ezam sebagai orang yang tidak setia kepada negara di samping tidak tahu berterima kasih.

"Mereka ini berjuang untuk kepentingan peribadi atau seseorang individu tanpa menghiraukan kepentingan negara," katanya.

-- BERNAMA

RP AZH MAI